


## SEORANG YANG MENCINTAI KEMAJUAN

Dalam buku 'Ego is Enemy'. Bab 'Always Stay a Student' Ryan Holiday menceritakan kisah Genghis Khan seorang yang mendakap dan mencintai kemajuan dan tidak menggunakan emosinya untuk menyelesaikan sesuatu. Dia bukan saja mempunyai kecerdasan dalam dunia ketenteraan bahkan seorang yang berjiwa sentiasa belajar.

### TIDAK JEMU DENGAN PEMBELAJARAN



Kemenangan yang diperolehi adalah hasil dari keupayaannya mengambil teknologi, teknik dan inovasi dari semua bangsa yang disentuh. Satu keistemewaannya adalah tidak pernah jemu terhadap proses pembelajaran. Di bawah Genghis Khan, orang Mongol sangat dahagakan ilmu dan kebudayaan terbaik dari bangsa lain yang ditakluk.

### MILIKI KITARAN PEMBELAJARAN BERTERUSAN

Walaupun Genghis Khan bukanlah seorang genius sejak lahir. Seorang penulis biografinya berkata, "Dia mempunyai kitaran pembelajaran yang berterusan, dia boleh menyesuaikan diri dengan setiap eksperimen yang dilakukan dan sentiasa menjadikannya bertambah baik". Semua ini didorong oleh keinginan yang kuat dan disiplinnya yang unik untuk terus belajar. Dia lebih terbuka untuk belajar berbanding penakluk lain.



### STRATEGI PERANG DAN 'KOTA BERDINDING'



Kemenangan terbesar Khan bermula apabila dia mempelajari strategi perang dari bangsa Turki dengan menyusun pasukan tenteranya kepada 10 batalion. Selepas kerajaannya menjadi besar dia belajar pula teknologi 'kota berdinding'. Perkara yang tidak pernah diketahui oleh bangsa Mongol.

### MESIN PERUNTUH BENTENG

Dalam perang menentang Tangut, Khan pelajari pula strategi memusnahkan kota berbenteng. Dalam masa yang singkat dia mendapat bantuan ahli teknologi Cina untuk mengajar cara membuat mesin peruntuh benteng kota.



### BANTUAN ORANG-ORANG BIJAK

Khan berjaya mempertahankan kekuasaannya apabila sentiasa menawarkan kerjasama dengan keluarga di raja di tanah yang mereka jajah itu. Di setiap bandar yang didudukinya, Khan akan mengumpulkan ahli astronomi, penulis, doktor, pemikir, dan penasihat yang paling bijak dan sesiapa sahaja yang boleh membantu mengembangkan empayarnya.



## KEHEBATAN KERAJAAN MONGOL

Apa yang menarik, Kerajaan Mongol sangat terbuka dalam bab kebebasan beragama. Ini disebabkan mereka sangat suka idea berkenaan kepelbagaian budaya. Orang Mongollah yang pertama membawa buah limau ke China. Membawa mi orang Cina ke dunia barat. Memperkenalkan teknologi perlombongan Jerman dan teknologi besi Perancis. Mereka jugalah yang menyebarkan agama Islam.

### PENGAJARAN



Sentiasa belajar walaupun daripada pihak musuh



Tidak sombong apabila mengecapi kejayaan



Kekalkan kejayaan dengan belajar berterusan

سَتَلْقَوْنَ بَعْدِي أَثْرَةَ فَاصِبُرُوا

"Sepeninggalku nanti, akan kalian jumpai sikap atsarah yakni ego. Maka bersabarlah."

[HS al-Bukhari]